

# UMP dilantik SEKRETARIAT MAKUMA



Tanggal 5 Mac 2009 bertempat di Hotel Empress Bandar Salak Tinggi, Sepang telah menjadi saksi di mana berlangsungnya Majlis Penyerahan Tugas di antara Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

UNIMAS yang sebelum ini menjadi pengerusi bagi Sekretariat Majlis Kaunseling & Kerjaya Universiti-universiti Malaysia ( MAKUMA) telah diwakili oleh Prof. Madya Mohd Fadzil bin Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar UNIMAS bagi mewakili Prof. Khairudin bin Abdul Hamid , Naib Canselor UNIMAS yang telah memikul amanah sebagai Pengerusi Sekretariat MAKUMA selama 2 tahun iaitu pada 2007/2008. Manakala UMP pula telah diwakili oleh Prof. Dr. Abd. Jalil bin Borham, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni selaku Pengerusi MAKUMA yang baru bagi sesi 2009/2010.

Majlis penyerahan tersebut dilaksanakan bagi meraikan dan menghargai barisan sekretariat lama selain dilaksanakan serentak dengan Mesyuarat MAKUMA kali ke-18 yang diadakan pada keesokan harinya. Dalam ucapan Prof. Fadzil bagi mewakili mantan pengerusi, beliau amat mengharapkan segala aktiviti yang dirancang tetapi tidak dapat dilaksanakan bagi sesi sebelum ini akan dapat disambung oleh kepimpinan pengerusi sekretariat yang baru.